

D315

U B912 DEB  
MAHATHIR - ISLAM  
(I)

GENTING HIGHLANDS, 19 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGINGATKAN UMAT ISLAM SUPAYA TIDAK MENGASINGKAN DIRI MEREKA DAN MENJALANI KEHIDUPAN YANG BEBAS DARIPADA PENGARUH LUAR.

KATANYA, TIDAK MUNGKIN LAGI UMAT ISLAM DAPAT MENGENEPIKAN DIRI MEREKA DAN HIDUP TANPA PENGARUH LUAR.

BAGAIMANAPUN, TIADA RUMUSAN TERTENTU BAGI UMAT ISLAM MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEADAAN DUNIA YANG SENTIASA BERUBAH, KATANYA DALAM PERUTUSAN SEMPENA PERASMIAN PERSIDANGAN TIGA HARI MENGENAI MASA DEPAN UMAT ISLAM DI SINI.

BELIAU BERKATA JIKA UMAT ISLAM TERLALU MENYESUAIKAN DIRI (KEPADA PERUBAHAN) MEREKA MUNGKIN KEHILANGAN AGAMA MEREKA TETAPI SEBALIKNYA JIKA MEREKA TERLALU KAKU DAN BERPEGANG KEPADA CARA-CARA LAMA ISLAM, MEREKA MUNGKIN DIKETEPIKAN.

OLEH ITU, KATANYA, PERBAHASAN MENGENAI MASA DEPAN UMAT ISLAM HENDAKLAH SESUATU YANG DILAKUKAN BERTERUSAN. -- LAGI  
1738MST 19 07 87

D317

U B913 DEB  
MAHATHIR - ISLAM 2 GENTING HIGHLANDS  
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ISLAM MENERIMA PERBEZAAN INTERPRETASI OLEH PAKAR-PAKAR YANG TERLIBAT DALAM PERBAHASAN ITU ABALKAN PERBEZAAN ITU TIDAK MEMBABITKAN PERKARA-PERKARA DASAR.

BELIAU BERKATA ADALAH PENTING BAGI UMAT ISLAM TIDAK LEKAS MENGUTUK MEREKA YANG BERCANGGAH DENGAN PENDAPAT-PENDAPATNYA ATAU TERUS MEMPERSOALKAN KEWIBAWAAN MEREKA. -- BERNAMA  
1741MST 19 07 87